

HEMORIF FILM-COATED TABLET

Diosmin 450mg + Hesperidin 50mg

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan HEMORIF
2. Bagaimana HEMORIF berfungsi
3. Sebelum mengambil HEMORIF
4. Cara menggunakan HEMORIF
5. Semasa menggunakan HEMORIF
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan HEMORIF
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan HEMORIF

Ia disyorkan untuk rawatan *venous circulation disorders* (kaki berasa berat, sakit dan penat) dan untuk merawat simptom-simptom berkaitan dengan serangan buasir akut..

Bagaimana HEMORIF berfungsi

Ubat ini menguatkan urat dengan meningkatkan *venous tone*, dan melindungi saluran darah kecil.

Sebelum mengambil HEMORIF

Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengguna HEMORIF:

Jika anda alah (hipersensitif) kepada *diosmin, hesperidin, micronised purified flavonoid fraction* atau mana-mana bahan lain dalam ubat ini (sila lihat Seksyen Bahan-bahan kandungan).

Jangan gunakan ubat ini dalam kanak-kanak di bawah umur 18 tahun melainkan dinasihatkan oleh doktor anda.

Sebelum menggunakan HEMORIF

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan ubat ini.

Mengandung dan menyusukan anak

Jika anda sedang mengandung, fikir anda mungkin mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak, sila dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan ubat ini.

Jika mengguna ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang mengambil, telah baru-baru ini mengambil, atau akan mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat-ubatan yang boleh diperolehi tanpa preskripsi.

Cara menggunakan HEMORIF

Sentiasa mengguna HEMORIF seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Semak dengan doctor atau ahli farmasi jika anda tidak pasti.

Berapa banyak harus digunakan & Bila perlu digunakan

Venous circulation disorders

Dos biasa adalah 2 tablet setiap hari; iaitu satu pada tengah hari dan satu pada waktu petang, pada waktu makan.

Serangan buasir akut

Dos biasa adalah 6 tablet setiap hari (dalam 3 dos berasingan) selama 4 hari, dan kemudiannya 4 tablet setiap hari (dalam 2 dos berasingan) untuk 3 hari berikutnya, pada waktu makan.

Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan HEMORIF untuk tempoh masa yang disyorkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Jika terlupa menggunakan

Jangan mengambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlepas. Jika anda mempunyai sebarang soalan lanjut mengenai penggunaan ubat ini, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda mengambil lebih hemorif daripada yang diarahkan, hubungi doktor atau ahli farmasi anda dengan segera. Simptom-simptom yang mungkin dialami sekiranya dos berlebihan termasuk cirit-birit, rasa loya, sakit perut, kulit gatal (pruritus) dan ruam.

Semasa menggunakan HEMORIF

Perkara yang perlu dilakukan

Sentiasa mengguna ubat ini seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengguna HEMORIF.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Ubat ini telah dipreskripsikan untuk anda. Jangan memberi ubat ini kepada orang lain. Ia boleh membahayakan mereka, walaupun simptom-simptom mereka adalah sama seperti anda.

Venous circulation disorders

Cara yang paling berkesan untuk rawatan ini adalah dengan gabungan gaya hidup sihat, seperti:

- Elakkan pendedahan kepada matahari, suhu panas, berdiri secara berpanjangan dan berat badan overweight.
- Berjalan dan, jika sesuai, memakai stoking sokongan khas yang merangsang peredaran darah.

Serangan buasir akut

Jika masalah buasir masih berterusan untuk lebih daripada 15 hari, sila berjumpa dengan doktor anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, HEMORIF boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang akan mengalaminya.

Kesan-kesan sampingan termasuk: Cirit-birit, *dyspepsia* (pencernaan yang sukar), loya, muntah-muntah, *colitis* (keradangan usus besar), rasa pening, sakit kepala, kelesuan, ruam, pruritus (kegatalan), *urticaria* (reaksi alahan dalam bentuk bintik merah kecil), sakit perut, *isolated oedema* (kebengkakan muka, bibir, kelopak mata), *Quincke's oedema* (kebengkakan muka, bibir, mulut, lidah atau tekak yang boleh menyebabkan kesukaran bernafas).

Melaporkan kesan sampingan

Jika anda mendapat sebarang kesan sampingan, berbincanglah dengan doktor atau ahli farmasi anda. Ini termasuklah sebarang kesan sampingan yang tidak disenaraikan di dalam risalah ini. Dengan melaporkan

kesan sampingan, anda boleh membantu memberi maklumat mengenai keselamatan ubat ini

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my (*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

Cara penyimpanan dan pelupusan HEMORIF

Penyimpanan

Jauhi ubat ini dari penglihatan dan capaian kanak-kanak.

Jangan guna ubat ini selepas tarikh luput yang dinyatakan pada kotak. Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir bulan tersebut.

Simpan dalam pembungkusan yang asal. Simpan di bawah suhu 30°C.

Pelupusan

Jangan buang ubat-ubatan melalui air sisa atau bahan buangan isi rumah.

Sila tanya ahli farmasi bagaimana untuk membuang ubat-ubatan anda yang tidak lagi digunakan. Langkah-langkah ini akan membantu untuk melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Tablet berbentuk bujur berwarna coklat hingga merah jambu muda, bersalut filem, dengan ukiran 'SQUARE' di satu sisi.

Bahan-bahan kandungan

Bahan-bahan aktif adalah:

Diosmoin (Micronized)

Hesperidin (Micronized)

Bahan-bahan lain adalah:

Microcrystalline Cellulose (PH 101)

Povidone

Sodium Starch Glycolate (Type A)

Colloidal Silicon Dioxide

Magnesium Stearate

Salutan tablet:

Opadry-31K-56501 (Brown) [HPMC 2910/Hypromellose, Titanium Dioxide, Lactose Monohydrate, Triacetin, Iron

Oxide Yellow, Iron oxide Red, Iron Oxide Black]

Opadry-03B54802 (Pink) [HPMC 2910/Hypromellose 6 CP, Titanium Dioxide, Macrogol/PEG 400, Iron Oxide Yellow, Iron Oxide Red, iron Oxide Black]

Nombor MAL

MAL*****

Pengilang

Square Lifesciences Limited, Patikabari, Hemayetpur, Pabna

Pemegang Pendaftaran Produk

Medispec (M) Sdn Bhd
B-1-07, Jalan SS 25/22,
Taman Mayang,
47301 Petaling Jaya, Selangor,
Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

01/01/2025

Nombor Siri

NPRA (R2) 25/211